

27/09/1997

Apakah jihad terhadap Soros berakhir?

HH

DI Hong Kong, Sabtu lalu, hari pertama seminar Tabung Mata Wang Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-Bank Dunia), ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat tepukan gemuruh. Walaupun adalah mustahil untuk mengetahui isi hati setiap mereka yang mendengar cadangan dan kritikan Perdana Menteri itu terhadap urusan tukaran mata wang dan peraturan sejagat, ramai yang hadir petang itu enggan bersetuju apabila Dr Mahathir menyarankan masyarakat dunia supaya mengharamkan kegiatan spekulator itu. Akhbar antarabangsa dalam laporan mereka menyatakan ide itu tidak boleh diterima langsung.

Esoknya, sebagaimana yang dijangkakan, George Soros, pembiaya kewangan yang bermata biru seperti Paul Newman, mirip Henry Kissinger, walaupun tidak pernah sekalipun disebut oleh Dr Mahathir dalam ucapannya, secara terbuka menyerang balas saranan Perdana Menteri itu.

Menyifatkan ide Dr Mahathir itu akan membawa mala petaka dan bencana besar kepada sistem ekonomi kapitalis, majlis penutup di seminar hari kedua itu bagaikan satu medan perang yang sangat ditunggu oleh Soros untuk menabur peluru kepada musuhnya. Segala rasa hatinya yang terbuka selama ini, diluakannya di dewan seminar yang penuh sesak itu.

Bagi Soros mesyuarat kali ini adalah peluang terbaik untuk menyerang bertubi-tubi segala dakwaan yang dibuat oleh Perdana Menteri terhadapnya. Tidak cukup dengan fakta dan angka kewangan untuk menangkis setiap dakwaan Dr Mahathir sebelum ini, Soros, warga negara Amerika berketurunan Yahudi itu melabel Dr Mahathir sebagai 'loose cannon' dan 'menace' kepada negara sendiri.

Mungkin panas hatinya seperti kebakaran hutan di Sumatera yang menyebabkan ruang udara kita berjerebu. Sesekali, kerana penat dan panjang berucap, dia berhenti seketika meneguk air dalam gelas yang dibawanya dan diletakkan di atas rostrum tempat bercakap untuk membasahi tekak.

Pada wajahnya, jelas dia begitu geram kepada Dr Mahathir. Membuat kesimpulan awal apa yang akan dikatakannya itu tidak akan dilaporkan oleh media Malaysia dengan alasan Dr Mahathir mengawalinya, Soros dalam sidang akhbar selepas itu tidak henti-henti mengecam pimpinan Dr Mahathir. Seperti menagih simpati dan menggambarkan beliau di pihak yang benar, Soros dalam nada rendah berkata dia kasihan dengan rakyat Malaysia kerana kesan daripada tindakan Dr Mahathir itu. "Tetapi saya tidak bersimpati langsung kepada Dr Mahathir. Beliau mesti dipertanggungjawabkan atas apa yang berlaku terhadap Malaysia sekarang." Katanya, Dr Mahathir mengkritiknya bagi menutup kelemahan Perdana Menteri mengurus ekonomi Malaysia.

Seperti pepatah Melayu, kedua-duanya umpama buku sudah bertemu ruas. Walaupun pun di Hong Kong, pengadil perlawanan mungkin boleh memutuskan kedudukan perlawanan setakat ini adalah seri, namun tidak pasti sama ada perang mulut Dr Mahathir-Soros itu akan berakhir di situ atau sebaliknya.

Apa yang jelas, Soros bukan seorang pembiaya dan spekulator yang kecil anak. Dia selalu mendabik dada kerana sudah terbabit dalam kegiatan itu lebih 40 tahun. Mustahil kegiatan itu yang sudah menjadi darah daging, menjadikannya jutawan yang hidup mewah, dihormati dunia dan masyarakat kewangan dunia serta dikerumuni lensa kamera setiap kali keluar. Apakah mudah mahu ditinggalkannya begitu saja.

Seperti pertentangan dua budaya, Soros tidak akan undur apatah lagi kerana yang mengkritiknya adalah orang Asia yang memang beliau pandang

rendah. Apa cara sekalipun dan setimbun manapun kecaman kesat dilemparkan kepada Soros, mustahil dia akan berundur lebih-lebih lagi kegiatannya banyak didalangi negara besar. Justeru, sebagaimana kebijakannya beliau manipulasi kegiatan mata wang, begitu jugalah petahnya dia bercakap dan memutarbelitkan fakta bagi menutup segala tembelang dan kejahatannya. Jika sebelum ini tidak banyak alasan yang boleh disandarkan untuk mengabui masyarakat dunia, kritikan Dr Mahathir seperti "pucuk dicipta ulam mendatang" untuk beliau terus menyamun negara miskin. Alasan beliau dijadikan `scapegoat' oleh Dr Mahathir kononnya untuk menutup kelemahan Perdana Menteri, terus dijaja dan menjadi `master plan' bagi setiap rompakan yang bakal dirancang beliau terhadap negara Asia selepas ini.

Pada sidang akhbar itu, Soros mengakui beliau tidak tahu banyak mengenai rantau ini. Semua fakta yang disebutnya diberikan oleh kakitangannya. Sebab itulah fakta mengenai hutang dan pinjaman Malaysia yang disebutnya banyak yang salah. Mengetahui Asia lebih dekat tidak perlu baginya. Apa yang penting ialah mengetahui kelemahan di rantau itu agar sistem urus niaga tukaran wang asing sekarang terus dipertahankan untuk mengisi kecocknya. Beliau lebih berminat dengan jumlah dan angka wang yang diperolehinya dari Asia daripada mengetahui sejauh mana usaha gigih dan pengorbanan yang dibuat oleh pemimpin Asia Tenggara untuk meningkatkan martabat rantau ini di mata dunia.

Sememangnya jika berterusan bertelagah dengan ketua penyamun itu, ia tidak membawa banyak faedah. Tetapi tidak bermakna jihad kita terhadap Soros dan spekulator sudah berakhir. Seperti kata Dr Mahathir, beliau tidak mudah mengaku kalah. Tetapi yang lebih memalukan, apakah IMF dan bank Dunia yang menjadi harapan masyarakat kewangan sejagat, sanggup membiarkan saja orang yang bernama Soros ini terus bermaharajalela mencari mangsa?

Sistem dan peraturan dibuat oleh manusia. Tetapi apakah satu sistem yang dihalalkan tetapi semakin jelas mengkucarkacirkan dan menimbulkan kesengsaraan kepada penduduk dunia boleh dibiarkan begitu sahaja? Jika Soros cuba menggambarkan ide Dr Mahathir itu akan mendatangkan malapetaka dunia, IMF dan Bank Dunia tentunya sudah nampak bencana yang sedang melanda Asia Tenggara ketika ini. Komitmen mereka terhadap usaha ini boleh lagi jelas. Kita mahu isu ini akan berterusan lantang disuarakan lagi oleh Malaysia di mana-mana forum antarabangsa.

(END)